**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**
**BERITA PERIKANAN HARI INI**

**16 Mei 2021**
**4 Syawal 1442H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| **Berita Harian** | |
| **Harian Metro** | • Pati jadi "nelayan tempatan" diberkas |
| **Kosmo !** | |
| **Sinar Harian** | |
| **The Star** | |
| **New Straits Time** | |
| **Nanyang Siang Pau** | |
| **Malaysia Gazette** | |
| **Harakah** | |
| **Malaysia Dateline** | |
| **Bernama** | |
| **See Hua Daily News (Kuching)** | |
| **Guan Ming Daily** | |
| **Sin Chew Daily** | |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | | *KOSMO !* | | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | | | |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | 22 | 16/05/2021 |
| *HARIAN METRO* | / | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI* ……………………………… | | | |

| *KATEGORI LIPUTAN :* *POSITIF* | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|



# Pati jadi 'nelayan tempatan' diberkas

**Labuan:** Seramai 16 pendatang asing tanpa izin (Pati) ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selepas didapati bekerja di atas bot perikanan tempatan secara haram, kelmarin.

Dalam operasi jam 11 pagi, pasukan APMM Zon Labuan yang menjalankan Op Pagar Laut mengesan bot berkenaan di kedudukan 24 batu nautika barat laut, Pulau Labuan.

Pengarah Zon Maritim Labuan, Kapten Maritim Nudin Jusoh berkata, bot nelayan tempatan berkenaan yang dikesan berada dalam keadaan mencurigakan ditahan untuk pemeriksaan.

Katanya, hasil pemeriksaan, pihaknya mendapati bot berkenaan dikendalikan 18 awak-awak termasuk tekong berusia 24 hingga 54 tahun.

"Seramai 16 awak-awak gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah dan disyaki Pati.

"Bot berkenaan kemudiannya diiring masuk ke Jeti Zon APMM Labuan, manakala semua awak-awak ditahan untuk siasatan oleh Pegawai Penyiasat," katanya dalam kenyataan media, semalam.

16 awak-awak ditahan gagal kemuka dokumen pengenalan diri yang sah

Nudin berkata, APMM juga akan bekerjasama dengan Jabatan Perikanan mengesan dan mengambil tindakan terhadap pemilik bot kerana menggajikan pekerja asing tanpa permit sah.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan sebarang pencabulan undang-undang Persekutuan.

Sehubungan itu, Nudin berkata, orang ramai terutama masyarakat maritim dan pesisir pantai disarankan supaya membantu menyalurkan maklumat kepada Maritim Malaysia untuk tindakan penguatkuasaan.

"Masyarakat digalakkan supaya membantu melaporkan sebarang salah laku di laut ke Pusat Operasi Maritim Labuan di talian 087-428008 atau terus melalui talian kecemasan MERS 999," katanya.